

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2014**

**HARI KHAMIS : 19 JUN 2014**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
(SOALAN NO.7 HINGGA 163 )**

**SOALAN NO.3 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO.46 DAN NO.62**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 6  
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah  
CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA**

**SOALAN NO. 1**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ**

**[ TANAH MERAH ]**

**TARIKH : 19 JUN 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sejak awal Januari hingga kini, berapa jumlah kes pembuangan bayi dilaporkan dan apakah langkah yang dilakukan bagi membanteras gejala ini.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)  
memandang serius akan gejala pembuangan bayi yang makin berleluasa.

Tindakan membuang bayi merupakan satu perlakuan yang tidak bertanggungjawab dan tidak berperikemanusiaan.

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 26 kes pembuangan bayi telah dilaporkan di seluruh negara dari bulan Januari hingga April 2014. Kes tertinggi dilaporkan di negeri Selangor (5 kes), diikuti oleh Sabah (4 kes) dan Negeri Sembilan serta Sarawak (masing-masing 3 kes).

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menangani isu pembuangan bayi, KPWKM telah melakukan perkara-perkara berikut:

**i. Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial Kebangsaan**

KPWKM telah menggubal Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial Kebangsaan yang dipersetujui oleh Kerajaan pada 6 November 2009. Dasar dan Pelan Tindakan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan di kalangan masyarakat terutama ibu bapa dan remaja berhubung kesihatan reprouktif dan kesan negatif akibat perlakuan seksual di luar nikah.

**ii. Talian Nur 15999**

Perkhidmatan Talian NUR 15999 telah diwujudkan sejak 5 Disember 2007 bagi membolehkan remaja dan wanita yang mengandung luar

nikah mendapat khidmat nasihat dan kaunseling. Langkah ini berupaya mengelakkan mereka daripada terjebak dalam aktiviti pembuangan bayi. Talian ini beroperasi 24 jam sehari dan dibuka sepanjang tahun.

- iii. **Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial (PEKERTI) dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)**  
KPWKM menerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menjalin kerjasama strategik dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) bagi mengintegrasikan modul Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial (PEKERTI) ke dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Semenjak tahun 2011 hingga bulan Disember 2013, seramai 174,086 orang pelatih PLKN di 81 buah kem PLKN seluruh negara telah mendapat pendidikan tersebut.

#### **iv. Pusat Remaja Kafe@TEEN**

Sebanyak 13 buah pusat remaja kafe@TEEN telah diwujudkan oleh LPPKN di seluruh negara. Kafe@TEEN mensasarkan golongan remaja berumur antara 13 hingga 24 tahun bagi memberi maklumat berkaitan isu-isu psikososial termasuk menyediakan khidmat kaunseling kepada remaja. Antara aspek yang diberi tumpuan ialah hubungan dalam keluarga dan perhubungan antara jantina di samping khidmat nasihat klinikal dan program kemahiran hidup. Program *outreach* kafe@TEEN di sekolah-sekolah dan komuniti setempat ini telah berjaya mendekati seramai 888,225 orang remaja melalui 9,715 program / aktiviti dari bulan November 2005 hingga bulan Mac 2014.

#### **v. Modul Cakna Diri**

LPPKN telah membangunkan Modul Cakna Diri (Edisi Remaja dan Edisi Ibu Bapa) yang bertujuan untuk memberi panduan kepada remaja serta ibu bapa dalam memahami perkembangan remaja dan

meningkatkan kemahiran untuk menangani tingkah laku yang berisiko khususnya berkaitan seksualiti.

**vi. Program Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial di Sekolah (PEKERTI)**

Menyedari pelajar-pelajar sekolah perlu diberi pengetahuan akan bahaya dan risiko aktiviti tidak bermoral, KPWKM melalui LPPKN dengan kerjasama Kementerian Pendidikan telah melaksanakan projek rintis Program Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PEKERTI) sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah untuk murid Tahun 6 iaitu selepas UPSR, pelajar Tingkatan 3 iaitu selepas PMR dan pelajar Pendidikan Khas di sekolah-sekolah terpilih di seluruh Malaysia mulai bulan tahun 2012.

Program PEKERTI di sekolah mengguna pakai modul yang dibangunkan oleh Persekutuan Persatuan-Persatuan Kesihatan Reprouktif Malaysia (FRHAM) iaitu *Reproductive Health of Adolescents* untuk murid Tahun 6 dan Modul Cakna Diri yang dibangunkan oleh LPPKN untuk pelajar Tingkatan 3.

Pada tahun 2012, seramai 2,376 orang pelajar (1,255 murid tahun 6; 1,085 pelajar Tingkatan 3; dan 36 pelajar Pendidikan Khas) daripada 33 buah sekolah telah mengikuti projek rintis ini. Projek ini akan terus dilaksanakan pada tahun 2014 dengan mengadakan Kursus *Training for Trainers* (TOT) pada bulan September 2014 kepada 3 buah sekolah (sekolah rendah, sekolah menengah dan pendidikan khas) bagi setiap negeri yang akan dipilih oleh Kementerian Pendidikan untuk mengikuti program ini.

vii. **PEKERTI@KOMUNITI**

Program pendidikan kesihatan reproduktif kepada golongan berisiko tinggi turut diperluas pada tahun 2014. Kumpulan sasar adalah terdiri daripada pelajar sekolah berasrama penuh (SBP), penghuni institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) seperti Sekolah Tunas Bakti (STB), Taman Seri Puteri (TSP), Rumah Kanak-Kanak (RKK) dan Asrama Akhlak (AA), remaja dan ibu bapa yang di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR). Usaha ini merupakan pencegahan awal kepada golongan berisiko tinggi. Sebanyak 3 latihan kejurulatihan akan dilaksanakan kepada Pegawai Pelaksana LPPKN, JKM dan Guru SBP. Dalam hal ini, 10 program di institusi JKM dan SBP serta

4 program dalam komuniti PPR yang berisiko tinggi di Lembah Klang telah dikenal pasti.

Selain itu, KPWKM melalui JKM mempunyai 4 buah Taman Seri Puteri (TSP) dan 3 buah Pusat Jagaan Sinar Kasih bagi memberi perlindungan dan penjagaan kepada remaja yang hamil. TSP menyediakan kemudahan perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak perempuan berumur di bawah 18 tahun manakala Pusat Jagaan Sinar Kasih adalah khusus untuk mereka berusia 18 tahun ke atas.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 19 JUN 2014**

**SOALAN : 2**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan:**

- (a) Kos yang ditanggung oleh Kementerian dalam membekalkan 400,000 netbook 1Malaysia kepada guru-guru bersempena dengan sambutan Hari Guru; dan
- (b) Nama syarikat serta senarai lembaga pengarah yang dilantik bagi syarikat yang membekalkan Netbook 1Malaysia tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kos keseluruhan pemberian Netbook 1Malaysia dianggarkan sebanyak RM400 Juta. Pembelian Netbook ini dikendalikan oleh Kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan menggunakan dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat

## **SOALAN NO: 2**

(Universal Service Provision "USP") dan proses pemberian akan dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan.

Sebanyak 48 pembekal telah dilantik oleh kementerian bagi membekal Netbook 1Malaysia kepada 400 ribu guru. Antara jenama netbook yang akan diagihkan adalah seperti berikut:

1. Lenovo
2. Samsung
3. Asus
4. Acer
5. HP